

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 26 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8216

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai yang telah ditahan dan didakwa kerana mengeluarkan kenyataan dan ucapan mengapi-apikan berbaur perkauman, mempamerkan poster dan banner yang menghasut dan provokatif, serta tindakan sabotaj ketika insiden di Plaza Low Yat pada Julai 2015, Perhimpunan Bersih 4 pada 29 dan 30 Ogos 2015 dan Perhimpunan Baju Merah di Padang Merbok dan Jalan Petaling pada 16 September 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Polis DiRaja Malaysia (PDRM), seramai 48 orang telah ditahan dan seramai seorang (1) daripada mereka telah didakwa berkaitan Perhimpunan Bersih 4. Manakala bagi Perhimpunan Baju Merah pula, seramai 2 orang telah ditahan dan siasatan masih dijalankan. Bagi insiden di Plaza Low Yat pula, seramai 6 orang telah ditahan dan seorang (1) daripada mereka telah didakwa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SOALAN : 43

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) jumlah hasil jualan dari nombor plat kereta "PATRIOT 1" hingga "PATRIOT 9999" dan berapakah jumlah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan"; dan
- (b) senarai 10 nombor dan pemilik yang mendapat harga "*bidder*" tertinggi untuk nombor plat "PATRIOT" ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan dan serta hasil jualan nombor pendaftaran khas PATRIOT adalah di bawah tanggungjawab Yayasan Patriot Negara Malaysia (YPNM). Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menetapkan syarat supaya pengurusan jualan tersebut mematuhi prosedur pengurusan nombor seperti yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Selain itu, Kerajaan telah menetapkan bayaran sebanyak RM1 juta oleh YPNM dan jumlah tersebut menjadi hasil kepada Kerajaan sepenuhnya.

Senarai 10 nombor yang mendapat bidaan tertinggi buat masa ini bagi nombor pendaftaran khas PATRIOT dan pembidanya adalah seperti berikut:

BIL.	NOMBOR KHAS	CATATAN
1	PATRIOT 1	Puan Chan Soek Kam
2	PATRIOT 18	Encik Elvin Lee Ching Siang
3	PATRIOT 15	Encik Ang Wee Kee
4	PATRIOT 101	Encik Nik Mandan Bin Daud
5	PATRIOT 13	Encik Elvin Lee Ching Siang
6	PATRIOT 16	Encik Elvin Lee Ching Siang
7	PATRIOT 74	PWN Excellence Sdn. Bhd.
8	PATRIOT 37	Dato' Seri Amir Hamzah Bin Mohd
9	PATRIOT 14	Encik Mohd Zuraimi Bin Mustapha
10	PATRIOT 87	Cik Farah Haizum Manap